UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

# PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
# SIDANG AKADEMIK 2017/2018
# PGT 201E-INSTRUCTIONAL TECHNOLOGY PRACTICES
# (MULTIMEDIA POWERPOINT PRESENTATION)

## TITLE/TOPIC: BAGAIMANA UNTUK MENGUBAH PENDIDIKAN DI KEMBOJA


PENSYARAH: Dr Chou Kient Song,Dr. Jeya Amantha Kumar

AHLI KUMPULAN :

1. Chua Aii Reen(136349)
2. Kang Sze Ying(136366)
3. Noor Yusrina binti Mohd Arifin (136413)
4. Nurul ‘Aifaa binti Yaakub (136473)
5. Nur Hafika binti Sukri (132146)

# SELAMAT DATANG KE KEMBOJA !



# LATAR BELAKANG NEGARA KEMBOJA



- Kemboja dalam bahasa Khmer disebut sebagai Kampuchea.
- Negara berbentuk monarki konstitusional di Asia Tenggara.
- Penerus kekaisaran khmer yang pernah menguasai seluruh Semenanjung Indochina antara abad ke-11 dan abad ke-14.
- Bersempadan dengan Thailand di sebelah barat, Loas di utara, Vietnam di Timur dan Teluk Thailand di Selatan.

- Sungai Mekong dan Danau Tonle Sap melintasi negara ini.
- Agama rasmi negara ini ialah agama Buddha aliran Theraveda yang dianuti kira-kira 95% penduduk.
- Kaum minoriti adalah Vietnam, Cina, Cham dan 30 suku hulu.

# PENGENALAN PENDIDIKAN DI KEMBOJA

- Sistem pendidikan Kemboja terbahagi kepada tiga bahagian pusat, wilayah dan daerah.
- Perlembagaan Kemboja mengisytiharkan pendidikan wajib yang percuma selama sembilan tahun.
- Banyak melabur untuk pendidikan vokasional di kawasan luar bandar untuk menangani masalah kemiskinan dan pengangguran.

- Pendidikan tradisional ditawarkan oleh biara Buddha yang mengajarkan kaum lelaki sahaja.
- Pendidikan Kemboja teruk terjejas sewaktu rejim khmer Rouges.
- Terdapat peningkatan ketara terutama dari segi peningkatan kemasukan sekolah rendah, pengenalan belanjawan asas program dan pembangunan kerangka dasar yang memudahkan pendidikan bagi golongan yang kurang bernasib baik.

- Peluang untuk mendapatkan pelajaran tetapi akses yang sebenarnya masih rendah.
- Tahap pendidikan di Kemboja semakin merosot di mana kadar kemasukan bersih bagi sekolah menengah rendah ialah 26.15 peratus dan 9.35 peratus bagi sekolah menengah atas.



# SISTEM PENDIDIKAN DI KEMBOJA

- Pendidikan agama bersifat tidak formal dan dikendalikan oleh masyarakat Islam setempat.
- Pendidikan kebangsaan dibuka kepada semua rakyat Kemboja termasuk etnik Cam. Waktu sekolah adalah dari pagi (8.00 pagi) sehingga tengah hari iaitu kira-kira jam 1.00 atau lebih awal bergantung kepada tahap pengajian.
- Pembelajaran sebelah petang pula ditumpukan kepada pelajaran agama. Persekolahan agama mengambil masa lapang sama ada sebelah petang atau pagi bergantung kepada pelajaran di sekolah kebangsaan.
- Jika kanak-kanak bersekolah kebangsaan di sebelah pagi, mereka akan ke kelas agama pada waktu petang, begitulah sebaliknya

# MASALAH PENDIDIKAN YANG DIHADAPI OLEH PENDUDUK KEMBOJA

**Peluang pendidikan terhad**

- Tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.
- Mementingkan pengajaran dan didikan agama.
- Keluarga x menganggap pendidikan akan memberi masa depan yang cerah.
- Kualiti pendidikan yang rendah.

- **Lebih mengutamakan bidang pertanian/perladangan**
- Membantu negara dan masyarakat tani.
- Pekerjaan yang bergantung kepada pertanian/perikanan.(Cth: sepanjang Sg Mekong dan Tasik Tonle Sap)
- Anak anak membantu ibu bapa menanam padi,menjaga lembu atau menangkap ikan.
- Ibu bapa tidak melihat pentingnya Pendidikan untuk anak-anak mereka.

**Dasar kerajaan**

- Menetapkan semua sekolah kebangsaan menggunakan bahasa Khmer.
- Perlu bersedia mempelajari bahasa tersebut selain terus menggunakan bahasa Cham dalam kehidupan seharian.
- Perlu mempelajari bahasa Inggeris.
- Tidak menekan pendidikan taraf tinggi.

**Kemudahan dan kelengkapan yang tidak mencukupi**

- Tidak mempunyai sistem pendidikan yang sistematik.
- Terlalu banyak kekurangan dari segi kelengkapan untuk belajar dan pemakaian murid sekolah.
- Barang keperluan seperti makanan halal, alat-alat tulis, al-Quran dan kelengkapan lain amat sedikit dan terhad.
- Tiada pengangkutan menjadikan murid terpaksa ke sekolah dengan jalan kaki.

**Sikap ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak**

- Ada kanak-kanak yang tidak meneruskan persekolahan menengah kerana ia melibatkan kos baik dari segi pengangkutan mahupun tempat tinggal.
- Ibu bapa bimbang terhadap keselamatan anak-anak dan pengaruh negatif daripada kehidupan bandar
- Ibu bapa yang bekerja sendiri menggalakkan anak-anak mereka untuk membantu mereka.
- Kedudukan sekolah yang jauh dari kampung telah menghalang kanak-kanak untuk meneruskan pelajaran.
- Masalah kemiskinan menghalang anak-anak ke sekolah.

# CADANGAN UNTUK MEMPERBAIKI PENDIDIKAN DI KEMBOJA



Bantuan persekolahan



Sekolah abad ke-21




infrastruktur

# KESIMPULAN

- Seperti yang kita sedia maklum, pendidikan di negara Kemboja sangat ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara lain.
- Oleh itu, penambahbaikan perlu dilaksanakan supaya pendidikan di negara tersebut dapat menyaingi taraf pendidikan negara lain.
- Usaha seperti mempertingkatkan prasarana pendidikan seperti cadangan kami di atas haruslah dilaksanakan kerana teknologi sangat memainkan peranan yang penting bagi memastikan pendidikan yang berkesan dapat dilaksanakan di negara Kemboja.





# GAMBAR DAN VIDEO BERKAITAN DENGAN PENDIDIKAN DI KEMBOJA






Suasana persekitaran sekolah di Kemboja.





# Video berkaitan dengan Pendidikan di Kemboja



*Sumber: youtube(*https://www.youtube.com/watch?v=pFRApyGSQ6M&spfreload=10

https://nooryusrinaarfn.wixsite.com/website

# *Sekian, terima kasih*

